

Beri hak kepada pengeluar lain

Masalah agihan boleh selesai jika NAFAS ada kepakaran menyeluruh

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my



Pesawah melahirkan rasa tidak puas hati kepada NAFAS kerana lewat mengedarkan benih padi di Kampung Pulau Kabu, Kodiang, semalam.

(Foto Luqman Hakim Zubir /BH)

Kuala Lumpur: Isu pengagihan benih padi sah boleh diselesaikan jika pengeluar lain turut diberikan hak berbanding hanya kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pengedar tunggal ketika ini.

Profesor Kehormat Genetik Tumbuhan dan Bioteknologi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Wickneswari Ratnam, berkata agensi yang dipertanggungjawab itu tidak mempunyai kepakaran menyeluruh berbanding pengeluar benih yang diperakui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

“Sepatutnya, ada tempoh peralihan atau kerajaan membenarkan nisbah 50:50 untuk NAFAS dan lima pengeluar benih yang lain demi memastikan tiada isu kelewatan benih padi sah.

“Selain itu, perlu ada kesepakan dengan pengeluar benih

lain kerana kita bimbang kemampuan NAFAS menyelaraskan benih berikutan ia bukan bidang kepakarannya,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Beliau mengulas masalah dihadapi lebih 30,000 daripada 57,635 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kedah, susulan kelewatan benih padi sah sedangkan musim penanaman baharu bermula dua minggu lalu.

Wickneswari yang juga Felo Akademi Sains Malaysia, berkata NAFAS sebagai pemborong tunggal dalam pembelian benih padi sah, dilihat mampu mengawal harga benih padi, tetapi disebabkan ketiadaan pengalaman khusus akan menimbulkan masalah di masa hadapan.

“Isu kelewatan ini dibimbangi boleh menjejaskan musim tana-

Kementerian jamin isu selesai

Putrajaya: Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee memberi jaminan masalah kelewatan bekalan benih padi di Utara Semenanjung diselesaikan oleh NAFAS dalam masa terdekat.

Beliau berkata, bagi mengatasinya NAFAS mencadangkan kepada pesawah mengenai penukaran antara 50 hingga 60 peratus varieti MR297 kepada varieti MR219 bagi menampung keperluan semasa.

“Sekiranya cadangan ini dipersetujui, penghantaran diatasi tempoh seminggu,” katanya.

man baharu ke atas sebahagian besar petani, selain mengurangkan keupayaan penghasilan 70 peratus beras negara serta memberi kesan kepada pendapatan petani,” katanya.

Beliau mencadangkan pembentukan panel penasihat supaya pengeluaran benih padi tidak terganggu, sekali gus meningkatkan keupayaan mengeluarkan benih berkualiti.

Sementara itu, Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS), Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Mohd Rafii Yusop, berkata pengeluaran benih padi sah adalah mencukupi setiap tahun yang dikeluarkan beberapa pengeluar benih padi yang berdaftar dengan MAFI dan NAFAS.

“Keperluan benih padi sah adalah antara 70,000 hingga 80,000

tan setahun untuk memenuhi permintaan seluruh pesawah negara ini.

“Benih padi yang dikeluarkan itu terdiri daripada beberapa jenis padi berkualiti yang diluluskan MAFI. Isunya ialah, pesawah MADA mempunyai pilihan jenis padi tertentu seperti MR217.

“Ini mengakibatkan permintaan hanya tertumpu kepada jenis tertentu, manakala yang tidak mendapat permintaan berlaku lambakan benih,” katanya.

Beliau berkata, pengeluaran hasil padi tinggi bergantung kepada pengurusan sawah yang baik oleh pesawah seperti penyediaan tanah tinggi nutrien, pembajaan yang betul pada peringkat pertumbuhan pokok padi, pengawalan rumpai, penyakit dan perosak yang cekap serta kualiti tinggi benih.